

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 3 TAHUN 1968

PEMBERITAHU KELULUSAN PERMOHONAN TANAH

Pada masa ini semua Pejabat-pejabat Tanah menggunakan borang Kanun Tanah Negara 5A apabila memberitahu seseorang pemohon yang telah diluluskan permohonannya bagi satu-satu tanah. Sebaliknya borang 5A ini tidak memberi keterangan penuh kepada pemohon berkenaan dengan syarat-syarat kelulusan yang telah diberi tetapi hanya menyatakan bayaran-bayaran yang dikehendaki dijelaskan sahaja. Dengan ini maka adalah difikirkan bahawa borang itu tidak berapa sesuai dan tidak mencapai maksud sebagai pemberitahu kelulusan permohonan tanah.

2. Oleh yang demikian maka untuk mencapai maksud supaya seseorang pemohon yang diluluskan permohonannya tahu akan syarat-syarat kelulusan dan syarat-syarat kegunaan tanah yang diluluskan kepadanya maka semua Pejabat-pejabat Tanah (dengan persetujuan M.M.K) adalah dikehendaki menggunakan borang bagaimana lampiran 'A' apabila memberitahu seorang pemohon yang permohonannya telah diluluskan. Sementara borang pada lampiran 'A' dapat dicetak, semua Pejabat-pejabat tanah adalah diminta salinan dengan secara cyclostle.

3. Borang 5A (yang membawa kuatkuasa seksyen 80(2) Kanun Tanah Negara dan Peraturan 7) hanya digunakan apabila satu-satu permohonannya hendak dibatalkan atau dimansuhkan.

t.t
(Akasah bin H.A. Rahman)
Pesuruhjaya Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU: 15HB. FEBRUARI, 1968
PTG. Kn. 53/67/(5)

PERMOHONAN TANAH

No. Permohonan.....

.....
.....
Tuan/Puan adalah dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk memiliki tanah kerajaan seluas..... telah diluluskan seluas..... lebih kurang, dengan terkena kepada syarat-syarat dan bayaran bayaran seperti di bawah ini:-

- i) Jenis hakmilik
- ii) Jenis kegunaan
- iii) Harga tanah biasa
- iv) Harga tanah tambahan \$.....
- v) Hasil Tahunan \$..... seekar setahun selama 6 tahun dan selepas itu.
- vi) Cukai Pelajaran \$..... seekar setahun
- vii) Cukai Tali air \$..... seekar setahun
- viii) Pendaftaran hakmilik tetap \$.....
- ix) Pendaftaran hakmilik Sementara \$.....
- x) Belanja Ukur \$.....
- xi) Harga batu sempadan \$.....
- xii) Penyediaan hakmilik tetap \$.....
- xiii) Syarat Khas: \$.....
- xiv) Sekatan hakmilik:

Tuan/Puan adalah dikehendaki membayar ke Pejabat ini dalam tempoh 2 bulan dari tarikh disampaikan pemberitahu ini sejumlah \$..... iaitu untuk bayaran seperti berikut:-

- i) Harga tanah biasa \$.....
- ii) Harga tanah tambahan \$.....
- iii) Hasil tahun pertama \$.....
- iv) Cukai Pelajaran \$.....
- v) Cukai Tali air \$.....
- vi) Pendaftaran hakmilik tetap \$.....
- vii) Pendaftaran hakmilik Sementara \$.....
- viii) Belanja Ukur \$.....
- ix) Harga batu sempadan \$.....
- x) Penyediaan hakmilik tetap \$.....

3. Sekiranya tuan/puan tidak menjelaskan tuntutan ini dalam tempoh yang diberi maka tindakan akan dijalankan untuk membatalkan permohonan tuan/puan itu.

4. Tuan/Puan adalah juga dikehendaki membuat permohonan mendaftarkan hakmilik sementara dalam tempoh 2 bulan dari tarikh menjelaskan bayaran yang dinyatakan dalam perenggan 2 di atas ini. Sekiranya tuan/puan tidak memasukkan permohonan ini dalam tempoh yang diberi maka kelulusan yang diberi ini akan terbatal dengan sendirinya walaupun bayaran-bayaran yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan di atas ini telah dijelaskan.

Pemungut.....

Tarikh.....

Jajahan

PERMOHONAN HAKMILIK SEMENTARA
(Seksyen 180 dan 177 (3) K.T.N)

Daripada.....

.....

.....

Tarikh.....

Kepada:

Pemungut Hasil Tanah

Jajahan.....

Adalah saya yang bertandatangan di bawah ini yang telah diluluskan memiliki tanah Kerajaan yang diterangkan di bawah ini, dengan ini memohon supaya hakmilik sementara didaftarkan bagi tanah itu.

2. Saya juga memohon supaya dikeluarkan kepada saya Surat Hakmilik yang dikeluarkan bagi Hakmilik Sementara itu.

Keterangan tanah yang diluluskan

File Pejabat Tanah.....

No.P.T./ Lot.....

Luas tanah..... lebih kurang.....

Mukim.....

.....

Tandatangan / cop i.j.k

Nama.....

(potong sekiranya tidak dikehendaki)